

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang





SIDANG REDAKSI

Buletin JSG 2025

PENAUNG :

PROF DATO' IR. DR. AHMAD RASHIDY RAZALI

PENASIHAT :

DR. AZRINAWATI MOHD ZIN

KETUA EDITOR :

NURUL IZZA HUSIN

SIDANG EDITOR :

PM CHM DR. NOR AZIYAH BAKHARI

NOOREZAL ATFYINNA MOHD NAPIAH

AINNIE RAHAYU ABDULLAH

Nota Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T dan limpah kurniaNya, maka terhasillah Buletin JSG 2025 ini yang merupakan kompilasi sorotan aktiviti-aktiviti penting buat JSG sepanjang tahun 2024.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penyumbang artikel yang telah bersama-sama dalam usaha menerbitkan buletin ini.

Semoga dengan penghasilan buletin ini menjadi pembakar semangat bagi warga JSG secara keseluruhannya dalam menganjurkan pelbagai aktiviti menarik untuk kebaikan bersama, khususnya para pelajar. Akhir kata, tahniah dan syabas buat seluruh warga JSG.

KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56



Dari Meja KOORDINATOR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya yang telah membolehkan kita menerbitkan Buletin Jabatan Sains Gunaan (JSG) Edisi 2025. Buletin kali ini berperanan sebagai medium perkongsian ilmu, maklumat, dan pencapaian jabatan sepanjang tahun 2024. Di samping itu, ia juga menjadi saluran terbuka kepada pensyarah untuk menulis dan berkongsi pengetahuan, pengalaman, serta hasil kajian yang bermanfaat kepada seluruh warga jabatan.

Sebagai Koordinator yang baru dilantik pada bulan Ogos 2024, saya sedar bahawa masih banyak perkara yang perlu saya terokai dan pelajari, terutamanya dalam aspek pentadbiran. Saya amat menghargai kerjasama luar biasa daripada seluruh warga JSG yang amat membantu dalam melancarkan tanggungjawab saya. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan Koordinator JSG, Dr. Mohd Muzafa Jumidali, atas kepimpinan cemerlang serta sumbangan besar beliau sepanjang tempoh perkhidmatan di jabatan ini.

Selain itu, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua warga yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Kejayaan yang dicapai bukan sahaja membanggakan jabatan, malah menjadi inspirasi kepada semua untuk terus melakar lebih banyak pencapaian bermakna. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ketua Editor Buletin JSG dan seluruh sidang redaksi atas usaha gigih mereka dalam menerbitkan buletin ini. Komitmen dan dedikasi mereka dalam memastikan penghasilan kandungan yang berkualiti amat dihargai. Semoga usaha ini dapat terus menyumbang kepada pembangunan dan penyebaran maklumat yang bermanfaat untuk semua. Akhir kata, saya berharap agar semua warga jabatan akan terus mengekalkan semangat kerja berpasukan, profesionalisme, dan integriti dalam setiap tugas yang dilaksanakan. Marilah kita berusaha bersama untuk mengekalkan kecemerlangan jabatan ini. Sekian, terima kasih.

Wassalam,

Dr. Azrinawati Mohd Zin
Koordinator
Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang